

# **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

## **AKTA IBU KOTA PERSEKUTUAN 1960**

### **(AKTA 190)**

---

#### **SENARAI PINDAAN :**

BIL.	PINDAAN	TARIKH	CATITAN
1	<b>AKTA A535/1982</b>		
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

CETAKAN SEMULA

---

**Akta 190**

## AKTA IBU KOTA PERSEKUTUAN 1960

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*

*Teks ini HANYA TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi Federal Capital Act 1960. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sahih di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.*

DITERBITKAN OLEH  
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
SECARA USAIAH SAMA DENGAN  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD  
2006

## **AKTA IBU KOTA PERSEKUTUAN 1960**

Pertama kali diperbuat ... ... ... 1960 (Akta No. 35 tahun  
1960)

Disemak ... ... ... ... ... 1977 (Akta 190 m.b.p.  
1 Oktober 1977)

*CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

*Cetakan Semula Yang Pertama ... ... ... 2001*

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 190

#### AKTA IBU KOTA PERSEKUTUAN 1960

---

##### SUSUNAN SEKSYEN

---

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran

BAHAGIAN I

KAWASAN BANDARAYA

3. Kawasan Bandaraya

BAHAGIAN II

DATUK BANDAR DAN LEMBAGA PENASIHAT

4. Pelantikan Datuk Bandar
5. Datuk Bandar hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan
6. Lembaga Penasihat
7. Keanggotaan Lembaga Penasihat
8. Datuk Bandar hendaklah mempengerusikan mesyuarat Lembaga Penasihat
9. Minit
10. Datuk Bandar boleh bertindak berlawanan dengan nasihat Lembaga Penasihat
11. Perlindungan pihak berkuasa awam
12. Kuasa dan kewajipan Datuk Bandar
13. Kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan
14. Laporan tahunan
15. Pegawai undang-undang, dll., yang diberi kuasa untuk hadir bagi pihak Datuk Bandar

**BAHAGIAN III****PERUNTUKAN PERALIHAN****Seksyen**

16. Undang-undang yang sedia ada, dsb.
17. Perpindahan hakmilik harta, dsb.
18. Kontrak dan prosiding yang sedia ada
19. Penerusan perjanjian perkhidmatan, dsb.
20. Kuasa yang berhubungan dengan Ordinan Perbandaran
21. Pemansuhan

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 190

#### AKTA IBU KOTA PERSEKUTUAN 1960

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi kerajaan tempatan Bandaraya Kuala Lumpur dan bagi perkara yang bersampingan dengannya.

[1 April 1961]

#### **Tajuk ringkas**

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Ibu Kota Persekutuan 1960.

#### **Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Bandaraya” ertinya Bandaraya Kuala Lumpur atau, dalam bahasa Inggeris, *the City of Kuala Lumpur*;

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur atau, dalam bahasa Inggeris, *the Commissioner of the City of Kuala Lumpur*, yang dilantik di bawah seksyen 4; dan

“Lembaga Penasihat” ertinya Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur atau, dalam bahasa Inggeris, *the Advisory Board of the City of Kuala Lumpur*, yang ditubuhkan di bawah seksyen 6.

#### BAHAGIAN I

#### KAWASAN BANDARAYA

#### **Kawasan Bandaraya**

3. (1) Mengikut peruntukan Fasal (1) Perkara 154 Perlembagaan, Bandaraya Kuala Lumpur hendaklah menjadi Ibu Kota Persekutuan.

\*(2) Kawasan Bandaraya Kuala Lumpur hendaklah terdiri daripada kawasan Wilayah Persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 2(2) Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973 [Akta A206].

(3) Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dari semasa ke semasa membahagikan Bandaraya kepada daerah atau bahagian kecil lain dan mengecualikan daripada penguatkuasaan Akta ini atau penguatkuasaan mana-mana undang-undang bertulis yang menyentuh Bandaraya, mana-mana tempat atau tempat-tempat dalam sempadan Bandaraya sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu.

(4) Apa-apa pengecualian di bawah subseksyen (3) tidak boleh mengecualikan mana-mana orang yang tinggal dalam mana-mana tempat sedemikian daripada penguatkuasaan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan kadar atau percuakan.

## BAHAGIAN II

### DATUK BANDAR DAN LEMBAGA PENASIHAT

#### **Pelantikan Datuk Bandar**

4. (1) Hal ehwal perbandaran Bandaraya Kuala Lumpur hendaklah ditadbirkan oleh Datuk Bandar Bandaraya Kuala Lumpur.

(2) Datuk Bandar hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selama tempoh lima tahun atau, jika Yang di-Pertuan Agong dalam mana-mana hal tertentu menentukan sedemikian, selama apa-apa tempoh yang lebih pendek sebagaimana yang ditentukan sedemikian.

(3) Tertakluk kepada Akta ini, Datuk Bandar hendaklah memegang jawatan atas apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong dari semasa ke semasa.

(4) Jika, pada bila-bila masa Yang di-Pertuan Agong mendapati bahawa pemecatan mana-mana orang yang memegang jawatan Datuk Bandar daripada jawatannya itu adalah perlu bagi kepentingan pentadbiran hal ehwal Bandaraya yang berkesan, dia boleh, tanpa memberikan apa-apa sebab, memecat orang itu daripada jawatan.

\*CATATAN—Dipinda berbangkit daripada seksyen 8 Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973 dan Perintah Ibu Kota Persekutuan (Kawasan Bandaraya) 1974 (P.U. (A) 42/1974).

(5) Yang di-Pertuan Agong boleh dari semasa ke semasa menerima peletakan jawatan Datuk Bandar.

(6) Jika melalui atau di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain, Datuk Bandar diberi kuasa untuk menjalankan apa-apa kuasa atau melaksanakan apa-apa kewajipan, dia boleh melalui surat cara bertulis mewakilkan, tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan sebagaimana yang ditetapkan dalam surat cara itu, penjalanan kuasa itu atau pelaksanaan kewajipan itu kepada mana-mana orang yang diperihalkan melalui nama atau jawatan:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh terpakai bagi apa-apa kuasa untuk membuat apa-apa perundangan subsidiari yang memberikan kepadanya oleh atau di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

(7) Jika Datuk Bandar adalah dihalang daripada melaksanakan fungsinya, menjalankan kuasanya atau menunaikan kewajipannya kerana sakit, tidak ada atau apa-apa sebab lain, atau jika jawatan Datuk Bandar kosong selama apa-apa tempoh, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, atau mana-mana pegawai awam lain yang diberi kuasa secara bertulis oleh Menteri, hendaklah melaksanakan fungsi, menjalankan kuasa dan menunaikan kewajipan Datuk Bandar itu.

**Datuk Bandar hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan**

5. (1) Datuk Bandar hendaklah bagi segala maksud menjadi suatu perbadanan tunggal dengan nama “Datuk Bandar Kuala Lumpur” atau, dalam bahasa Inggeris, “Commissioner of the City of Kuala Lumpur”.

(2) Datuk Bandar hendaklah mempunyai suatu meterai rasmi yang hendaklah disahkan dengan tandatangan orang yang pada masa ini memegang jawatan Datuk Bandar, atau oleh mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Datuk Bandar bagi maksud itu.

(3) Meterai Datuk Bandar hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman, dan tiap-tiap dokumen yang berupa sebagai dikeluarkan atau dibuat oleh Datuk Bandar dan dimeterai dengan meterai Datuk Bandar, disahkan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (2), hendaklah dalam mana-mana litigasi atau prosiding disifatkan telah dibuat atau dikeluarkan sedemikian tanpa bukti selanjutnya, melainkan jika ditunjukkan sebaliknya.

(4) Suatu perakuan yang ditandatangani oleh Datuk Bandar yang memperakui bahawa mana-mana surat cara yang berupa sebagai dibuat atau dikeluarkan olehnya telah dibuat atau dikeluarkan sedemikian hendaklah menjadi keterangan muktamad tentang fakta yang diperakui sedemikian.

### **Lembaga Penasihat**

6. (1) Suatu badan, yang hendaklah dikenali sebagai “Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur” atau, dalam bahasa Inggeris, “Advisory Board of the City of Kuala Lumpur”, hendaklah ditubuhkan bagi maksud Akta ini untuk menasihati Datuk Bandar tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan pentadbiran Bandaraya sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong, melalui perintah, dan tentang apa-apa soalan yang dirujuk kepada Lembaga Penasihat oleh Menteri atau Datuk Bandar.

(2) Tertakluk kepada Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, mesyuarat dan tatacara Lembaga Penasihat hendaklah ditentukan oleh Lembaga Penasihat.

(3) Semua anggota Lembaga Penasihat hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

### **Keanggotaan Lembaga Penasihat**

7. (1) Lembaga Penasihat hendaklah terdiri daripada orang yang hendaklah dilantik sebagai anggotanya oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

\*Dengan syarat bahawa hendaklah dimasukkan di kalangan anggota Lembaga Penasihat yang dilantik sedemikian, dua orang yang dinamakan oleh Raja dalam Mesyuarat Negeri Selangor.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh, tertakluk kepada Akta ini, melalui peraturan-peraturan mengadakan peruntukan bagi bilangan, jenis, pelantikan, tempoh jawatan, kelayakan, hilang kelayakan, kekananan dan syarat persaraan anggota Lembaga Penasihat, dan bagi mesyuarat dan tatacara Lembaga Penasihat.

---

\**CATATAN*— Ditambah berbangkit daripada proviso kedua kepada seksyen 8 Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973 [Akta A206].

**Datuk Bandar hendaklah mempengerusikan mesyuarat Lembaga Penasihat**

**8.** (1) Datuk Bandar hendaklah, setakat yang dapat dilaksanakan, menghadiri dan mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga Penasihat, dan semasa dia tidak hadir, mana-mana anggota Lembaga Penasihat yang dilantik oleh Menteri bagi maksud itu secara bertulis, atau jika mana-mana anggota itu tidak ada, anggota kanan Lembaga Penasihat yang sebenarnya hadir, hendaklah mempengerusikannya.

(2) Datuk Bandar atau orang lain yang mempengerusikan mana-mana mesyuarat Lembaga Penasihat hendaklah membuang undinya bilamana perlu untuk mengelakkan bilangan undi yang sama banyak, tetapi tidak boleh mengundi dalam apa-apa hal lain.

**Minit**

**9.** (1) Minit semua perjalanan mesyuarat Lembaga Penasihat hendaklah disimpan.

(2) Dalam tiap-tiap mesyuarat biasa Lembaga Penasihat, minit mesyuarat sebelumnya hendaklah disahkan, dengan atau tanpa pindaan, mengikut kehendak keadaan, sebelum meneruskan penyegearan apa-apa urusan lain.

**Datuk Bandar boleh bertindak berlawanan dengan nasihat Lembaga Penasihat**

**10.** Datuk Bandar boleh, selepas berunding dengan Menteri, bertindak berlawanan dengan nasihat yang diberikan kepadanya oleh Lembaga Penasihat, jika dalam apa-apa hal yang difikirkannya patut untuk berbuat demikian; tetapi dalam apa-apa hal itu—

- (a) dia hendaklah merekodkan dengan sepenuhnya secara bertulis, untuk dimasukkan dalam minit, alasan dan sebab bagi keputusannya; dan
- (b) adalah berwibawa bagi mana-mana anggota Lembaga Penasihat untuk menghendaki supaya direkodkan dalam minit itu apa-apa nasihat atau pendapat yang mungkin telah diberikannya mengenai soalan yang dipertikaikan, dan alasan baginya.

**Perlindungan pihak berkuasa awam**

11. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*], hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Datuk Bandar atau Lembaga Penasihat atau terhadap mana-mana anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen Datuk Bandar berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat sedemikian.

**Kuasa dan kewajipan Datuk Bandar**

12. (1) Datuk Bandar hendaklah, tertakluk kepada Akta ini, mempunyai dan boleh menjalankan segala kuasa dan melaksanakan segala kewajipan yang diberikan kepada atau yang dipertanggungkan ke atas Anggota Majlis Perbandaran Kuala Lumpur, Yang Dipertua dan mana-mana Anggota Majlis atau pegawainya sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini.

(2) Tertakluk kepada Akta ini dan mana-mana perintah yang dibuat di bawah subseksyen 16(2), di mana-mana juga dalam mana-mana undang-undang bertulis, surat ikatan, dokumen atau surat cara lain, yang kuat kuasanya belum lagi luput atau dibatalkan sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini, terdapat nama Anggota Majlis Perbandaran Kuala Lumpur, undang-undang, surat ikatan, dokumen atau surat cara lain itu hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, dibaca dan ditafsirkan seolah-olah nama itu telah digantikan dengan nama perbadanan Datuk Bandar.

**Kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan**

13. (1) Menteri boleh dari semasa ke semasa memberi Datuk Bandar yang selaras dengan Akta ini, tentang dasar yang hendaklah diikuti pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada dan kewajipan yang dipertanggungkan ke atas Datuk Bandar oleh atau di bawah Akta ini berhubung dengan perkara yang ternyata pada menyentuh kepentingan Bandaraya, dan Datuk Bandar hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin menguatkuasakan semua arahan itu.

(2) Datuk Bandar hendaklah memberi Menteri apa-apa penyata, akaun dan maklumat lain berkenaan dengan harta dan aktiviti Datuk Bandar sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri dari semasa ke semasa.

**Laporan tahunan**

**14.** (1) Datuk Bandar hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Menteri suatu laporan yang memperkatakan secara am aktiviti Datuk Bandar sepanjang tahun yang sebelumnya, dan mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan dasar Datuk Bandar dan hal ehwal Bandaraya sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Menteri hendaklah menyebabkan suatu salinan tiap-tiap laporan tersebut dibentangkan dalam Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

**Pegawai undang-undang, dll., yang diberi kuasa untuk hadir bagi pihak Datuk Bandar**

**15.** Peguam Negara, Peguam Cara Negara, dan mana-mana Peguam Persekutuan boleh hadir dan berguam dan melakukan segala perkara lain yang perlu berkenaan dengan apa-apa litigasi atau prosiding dalam mana-mana mahkamah dalam Malaysia berkenaan dengan apa-apa perkara yang menyentuh Datuk Bandar atau hal ehwal Bandaraya.

**BAHAGIAN III****PERUNTUKAN PERALIHAN****Undang-undang yang sedia ada, dsb.**

**16.** (1) Tertakluk kepada Akta ini, Ordinan Perbandaran Negeri-Negeri Selat [*Bab 133*] dan Enakmen Lembaga Bandaran Negeri-Negeri Melayu Bersekutu [*Bab 137*] yang berkuat kuasa berhubung dengan Bandaraya dan mana-mana undang-undang bertulis lain yang menyentuh Bandaraya, dan berkuat kuasa sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, sehingga dipinda atau dibatalkan oleh pihak berkuasa yang mempunyai kuasa untuk berbuat demikian di bawah Perlembagaan atau Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain, terus berkuat kuasa pada dan selepas permulaan kuat kuasa Akta ini dengan apa-apa ubah suaian sebagaimana yang dibuat dalamnya di bawah seksyen ini; dan, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, sebutan dalamnya—

- (a) tentang Anggota Majlis Perbandaran Kuala Lumpur atau tentang Yang Dipertua atau tentang mana-mana Anggota Majlisnya hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan tentang Datuk Bandar;

- (b) tentang Raja, Raja dalam Mesyuarat, Pihak Berkuasa Negeri atau Dewan Undangan Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan tentang Menteri,

mengikut kehendak hal keadaan.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh, dalam tempoh dua tahun bermula dengan permulaan kuat kuasa Akta ini, melalui perintah meminda, menyesuaikan atau memansuhkan mana-mana undang-undang bertulis yang menyentuh Bandaraya dan yang berkuat kuasa sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini jika dia menganggapnya suai manfaat atau perlu untuk berbuat demikian bagi maksud menyelaraskan undang-undang bertulis itu dengan Akta ini atau untuk menghapuskan apa-apa kesulitan yang berbangkit berkenaan dengan peruntukan peralihan Akta ini.

#### **Perpindahan hakmilik harta, dsb.**

17. (1) Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini dan kepada apa-apa arahan Yang di-Pertuan Agong, segala harta dan aset yang sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini telah terletak hak pada Anggota Majlis Perbandaran Kuala Lumpur atau pada mana-mana orang bagi pihak Anggota Majlis itu hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, terletak hak pada Datuk Bandar.

(2) Segala tanah sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini terletak hak pada atau dirizabkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah bagi maksud Anggota Majlis Perbandaran Kuala Lumpur hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, terletak hak pada atau disifatkan dirizabkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi maksud Datuk Bandar.

#### **Kontrak dan prosiding yang sedia ada**

18. (1) Tertakluk kepada Bahagian ini, segala surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan perkiraan kerja yang wujud sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini dan yang menyentuh mana-mana harta yang berpindah hakmiliknya di bawah seksyen 17 hendaklah berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya terhadap atau memihak kepada Datuk Bandar, dan boleh dikuatkuasakan dengan sepenuhnya dan dengan berkesan seolah-olah, sebagai ganti Anggota Majlis Perbandaran Kuala Lumpur, atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Anggota Majlis itu, Datuk Bandarlah yang dinamakan dalamnya atau menjadi pihak kepadanya.

(2) Tertakluk kepada Akta ini, apa-apa prosiding atau kausa tindakan yang belum selesai atau yang wujud sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini oleh atau terhadap Anggota Majlis Perbandaran Kuala Lumpur atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Anggota Majlis itu boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Datuk Bandar sebagaimana ia boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Anggota Majlis Perbandaran Kuala Lumpur atau orang sedemikian jika Akta ini tidak diperbuat.

**Penerusan perjanjian perkhidmatan, dsb.**

**19.** Tiap-tiap orang yang sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini telah diambil bekerja oleh Anggota Majlis Perbandaran Kuala Lumpur hendaklah pada permulaan kuat kuasa Akta ini disifatkan ditukarkan kepada perkhidmatan Datuk Bandar atas termasuk dan syarat perkhidmatan yang sama seperti yang diperoleh sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini.

**Kuasa yang berhubungan dengan Ordinan Perbandaran**

**20.** Segala kuasa yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat Negeri Selangor oleh seksyen 3 Ordinan Perbandaran (Pemakaian Yang Dipeluas) 1948 [*P.T.M 3 tahun 1948*], hendaklah berhubung dengan Bandaraya, disifatkan diberikan pada dan selepas permulaan kuat kuasa Akta ini, kepada Yang di-Pertuan Agong.

**Pemansuhan**

**21.** (1) Pada permulaan kuat kuasa Akta ini, Bahagian I dan II Ordinan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan 1950 [*Ord. No. 52 tahun 1950*], hendaklah terhenti terpakai bagi Bandaraya, dan apa-apa perintah yang wujud pada masa itu di bawah seksyen 52 Ordinan itu berhubung dengan Bandaraya hendaklah dengan ini tamat [*Sel. P.W. 194 tahun 1960*].

(2) Perlembagaan Perbandaran Kuala Lumpur [*Sel. P.W. 351 tahun 1951*], yang diisytiharkan di bawah seksyen 4 Ordinan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan 1950, seperti yang dipinda dari semasa ke semasa, adalah dengan ini dimansuhkan, dan mana-mana orang yang sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini

ialah Yang Dipertua atau seorang Anggota Majlis bagi Majlis yang ditubuhkan di bawah Ordinan Perbandaran dan Perlembagaan itu hendaklah pada permulaan kuat kuasa Akta ini terhenti menjadi Yang Dipertua atau Anggota Majlis itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Ordinan Ibu Kota Persekutuan (Pilihan Raya Perbandaran) 1958 [*Ord. No. 32 tahun 1958*], adalah dengan ini dimansuhkan.

---

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 190

#### AKTA IBU KOTA PERSEKUTUAN 1960

##### SENARAI PINDAAN


Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta 5/1968	Akta Ibu Kota Persekutuan (Pindaan) 1968	01-04-1968
Akta 59	Akta Bandaraya Kuala Lumpur 1971	01-02-1972
Akta A206	Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973	01-02-1974
P.U. (A) 42/1974	Perintah Ibu Kota Persekutuan (Kawasan Bandaraya) 1974	01-02-1974
Akta A535	Akta Ibu Kota Persekutuan (Pindaan) 1982	01-12-1981

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 190****AKTA IBU KOTA PERSEKUTUAN 1960****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
3	Akta A206	01-02-1974
4	Akta A535	01-12-1981
7	Akta A206	01-02-1974
13	Akta A535	01-12-1981
16	Akta 5/1968	01-04-1968

---



# LAWS OF MALAYSIA

---

REPRINT

---

**Act 190**

## FEDERAL CAPITAL ACT 1960

*Incorporating all amendments up to 1 January 2006*

PUBLISHED BY  
THE COMMISSIONER OF LAW REVISION, MALAYSIA  
UNDER THE AUTHORITY OF THE REVISION OF LAWS ACT 1968  
IN COLLABORATION WITH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD  
2006

## **FEDERAL CAPITAL ACT 1960**

First enacted	... ... ... ... ...	1960 (Act No. 35 of 1960)
Revised	... ... ... ... ...	1977 (Act 190 w.e.f. 1 October 1977)

### *PREVIOUS REPRINT*

<i>First Reprint</i>	... ... ... ...	2001
----------------------	-----------------	------

## LAWS OF MALAYSIA

### Act 190

### FEDERAL CAPITAL ACT 1960

---

#### ARRANGEMENT OF SECTIONS

---

##### Section

1. Short title
2. Interpretation

#### PART I

##### AREA OF THE CITY

3. The area of the City

#### PART II

##### THE COMMISSIONER AND ADVISORY BOARD

4. Appointment of Commissioner
5. Commissioner to be a body corporate
6. Advisory Board
7. Constitution of Advisory Board
8. Commissioner to preside at meetings of Advisory Board
9. Minutes
10. Commissioner may act in opposition to Advisory Board
11. Public authorities protection
12. Powers and duties of Commissioner
13. Power of Minister to issue directions
14. Annual report
15. Law Officers, *etc.*, empowered to appear for Commissioner

**PART III****TRANSITIONAL PROVISIONS****Section**

16. Existing laws, *etc.*
17. Transfer of property, *etc.*
18. Existing contracts and proceedings
19. Continuance of agreements of service, *etc.*
20. Powers relating to the Municipal Ordinance
21. Repeal

## LAWS OF MALAYSIA

### Act 190

### FEDERAL CAPITAL ACT 1960

An Act to provide for the local government of the City of Kuala Lumpur and for matters incidental thereto.

[*1 April 1961*]

#### **Short title**

1. This Act may be cited as the Federal Capital Act 1960.

#### **Interpretation**

2. In this Act, unless the context otherwise requires—

“Advisory Board” means the Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur or, in English, the Advisory Board of the City of Kuala Lumpur, established under section 6;

“City” means *Bandaraya Kuala Lumpur* or, in English, the City of Kuala Lumpur; and

“Commissioner” means *Datuk Bandar Kuala Lumpur* or, in English, the Commissioner of the City of Kuala Lumpur, appointed under section 4.

#### PART I

#### AREA OF THE CITY

#### **The area of the City**

3. (1) In accordance with the provisions of Clause (1) of Article 154 of the Constitution the City of Kuala Lumpur shall be the Federal Capital.

\*(2) The area of the City of Kuala Lumpur shall consist of the areas of the Federal Territory as provided under subsection 2(2) of the Constitution (Amendment) (No. 2) Act 1973 [Act A206].

(3) The Yang di-Pertuan Agong may by notification in the *Gazette* from time to time divide the City into districts or other subdivisions and exempt from the operation of this Act or of any written law affecting the City such place or places within the boundaries of the City as may be specified in such notification.

(4) Any exemption under subsection (3) shall not exempt any person residing within any such place from the operation of any written law relating to rates or taxation.

## PART II

### THE COMMISSIONER AND ADVISORY BOARD

#### **Appointment of Commissioner**

**4.** (1) The municipal affairs of the City of Kuala Lumpur shall be administered by the Commissioner of the City of Kuala Lumpur.

(2) The Commissioner shall be appointed by the Yang di-Pertuan Agong for a term of five years or, if the Yang di-Pertuan Agong in any particular case so determines, for such shorter term as may be so determined.

(3) Subject to this Act, the Commissioner shall hold office upon such conditions as the Yang di-Pertuan Agong may from time to time determine.

(4) If at any time it appears to the Yang di-Pertuan Agong that the removal from office of any person holding the office of Commissioner is necessary in the interests of the effective administration of the affairs of the City, he may, without assigning any reason therefor, remove such person from office.

(5) The Yang di-Pertuan Agong may from time to time accept the resignation of the Commissioner.

---

\*NOTE—Amended in consequence of section 8 of the Constitution (Amendment) (No. 2) Act 1973 and the Federal Capital (City Area) Order 1974 (P.U. (A) 42/1974).

(6) Where by or under this Act or any other written law the Commissioner is empowered to exercise any powers or perform any duties he may by instrument in writing delegate, subject to such conditions and restrictions as may be prescribed in such instrument, the exercise of such powers or the performance of such duties to any person described by name or office:

Provided that nothing in this section shall apply to any power to make any subsidiary legislation conferred upon him by or under this Act or any other written law.

(7) Where the Commissioner is prevented from carrying out his functions, exercising his powers, or discharging his duties by sickness, absence or any other cause, or where the office of the Commissioner is for any period vacant, the Secretary General of the Ministry of the Federal Territory, or such other public officer as may be authorized in writing by the Minister shall carry out the functions, exercise the powers and discharge the duties of the Commissioner.

### **Commissioner to be a body corporate**

5. (1) The Commissioner shall be for all purposes a corporation sole under the name of "Datuk Bandar Kuala Lumpur" or, in English, the "Commissioner of the City of Kuala Lumpur".

(2) The Commissioner shall have an official seal which shall be authenticated by the signature of the person for the time being holding the office of Commissioner, or by any other person authorized by the Commissioner in that behalf.

(3) The seal of the Commissioner shall be officially and judicially noticed, and every document purporting to be issued or made by the Commissioner and sealed with the seal of the Commissioner, authenticated as provided under subsection (2), shall in any litigation or proceeding be deemed to be so made or issued without further proof, unless the contrary is shown.

(4) A certificate signed by the Commissioner certifying that any instrument purporting to be made or issued by him was so made or issued shall be conclusive evidence of the fact so certified.

**Advisory Board**

**6.** (1) There shall be established for the purpose of this Act a body, to be known as the “Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur” or, in English, the “Advisory Board of the City of Kuala Lumpur”, to advise the Commissioner upon such matters connected with the administration of the City as the Yang di-Pertuan Agong may by order prescribe, and upon any questions referred to the Advisory Board by the Minister or the Commissioner.

(2) Subject to this Act and any regulations made thereunder, the meetings and procedure of the Advisory Board shall be determined by the Advisory Board.

(3) All members of the Advisory Board shall be deemed to be public servants within the meaning of the Penal Code [Act 574].

**Constitution of Advisory Board**

**7.** (1) The Advisory Board shall consist of such persons as shall be appointed members thereof by the Yang di-Pertuan Agong by notification in the *Gazette*:

\*Provided that there shall be included among the members of the Advisory Board so appointed two persons nominated by the Ruler in Council of the State of Selangor.

(2) The Yang di-Pertuan Agong may, subject to this Act, by regulations provide for the number, nature, appointment, term of office, qualifications, disqualifications, seniority and conditions of retirement of members of the Advisory Board, and for the meetings and procedure of the Advisory Board.

**Commissioner to preside at meetings of Advisory Board**

**8.** (1) The Commissioner shall, so far as is practicable, attend and preside at all meetings of the Advisory Board, and in his absence any member of the Advisory Board appointed by the Minister in that behalf in writing, or in the absence of any such member, the senior member of the Advisory Board actually present shall preside.

---

\*NOTE—Added in consequence of the Second proviso to section 8 of the Constitution (Amendment) (No. 2) Act 1973 [Act A206].

(2) The Commissioner or other person presiding at any meeting of the Advisory Board shall cast his vote whenever necessary to avoid an equality of votes, but shall not vote in any other case.

### **Minutes**

**9.** (1) Minutes shall be kept of all proceedings of the Advisory Board.

(2) At every ordinary meeting of the Advisory Board the minutes of the last preceding meeting shall be confirmed, with or without amendment, as the case may require, before proceeding to the despatch of any other business.

### **Commissioner may act in opposition to Advisory Board**

**10.** The Commissioner may, after consultation with the Minister, act in opposition to the advice given to him by the Advisory Board, if in any case he shall think fit to do so; but in any such case—

- (a) he shall record fully in writing, for inclusion in the minutes, the grounds and reasons for his decision; and
- (b) it shall be competent for any member of the Advisory Board to require that there shall be recorded in the minutes any advice or opinion that he may have given upon the question in dispute, and the grounds therefor.

### **Public authorities protection**

**11.** The Public Authorities Protection Act 1948 [*Act 198*], shall apply to any action, suit, prosecution or proceeding against the Commissioner or the Advisory Board or against any member, officer, servant or agent of the Commissioner in respect of any act, neglect or default done or committed by him in such capacity.

### **Powers and duties of Commissioner**

**12.** (1) The Commissioner shall, subject to this Act, have and may exercise all the powers and perform all the duties conferred or imposed upon the Municipal Councillors of Kuala Lumpur, the President and any Councillor or officer thereof immediately before the commencement of this Act.

(2) Subject to this Act and any order made under subsection 16(2), wherever in any written law, deed, document or other instrument, the operation of which has not lapsed or been discharged prior to the commencement of this Act, there appears the name of the Municipal Councillors of Kuala Lumpur, such law, deed, document or other instrument shall, unless the context otherwise requires, be read and construed as if there were substituted therefor the corporate name of the Commissioner.

### **Power of Minister to issue directions**

**13.** (1) The Minister may from time to time give the Commissioner directions not inconsistent with this Act, on the policy to be followed in the exercise of the powers conferred and the duties imposed on the Commissioner by or under this Act in relation to matters which appear to him to affect the interests of the City, and the Commissioner shall as soon as possible give effect to all such directions.

(2) The Commissioner shall furnish the Minister with such returns, accounts and other information with respect to the property and activities of the Commissioner as the Minister may from time to time require.

### **Annual report**

**14.** (1) The Commissioner shall, as soon as practicable after the end of each year, cause to be made and transmitted to the Minister a report dealing generally with the activities of the Commissioner during the preceding year, and containing such information relating to the policy of the Commissioner and the affairs of the City as the Minister may from time to time direct.

(2) The Minister shall cause a copy of every such report to be laid on the table of the Dewan Negara and the Dewan Rakyat.

### **Law Officers, etc., empowered to appear for Commissioner**

**15.** The Attorney-General, the Solicitor-General, and any Federal Counsel may appear and plead and do all other things necessary in respect of any litigation or proceeding in any court in Malaysia in respect of any matter affecting the Commissioner or the affairs of the City.

## PART III

## TRANSITIONAL PROVISIONS

**Existing laws, etc.**

**16.** (1) Subject to this Act, the Municipal Ordinance of the Straits Settlements [Cap. 133] and the Town Boards Enactment of the Federated Malay States [Cap. 137] as in force in relation to the City and any other written law affecting the City, and in force immediately before the commencement of this Act shall, until amended or revoked by the authority having power to do so under the Constitution or this Act or any other written law, continue in force on and after the commencement of this Act with such modifications as may be made therein under this section; and, unless the context otherwise requires, references therein—

- (a) to the Municipal Councillors of Kuala Lumpur or to the President or to any Councillor thereof shall be construed as references to the Commissioner;
- (b) to the Ruler, Ruler in Council, State Authority or Legislative Assembly shall be construed as references to the Minister,

as the circumstances may require.

(2) The Yang di-Pertuan Agong may within the period of two years beginning with the commencement of this Act by order amend, adapt or repeal any written law affecting the City and in force immediately before the commencement of this Act if he shall consider it expedient or necessary to do so for the purpose of bringing such written law into accord with this Act or of removing any difficulties arising with respect to the transitional provisions of this Act.

**Transfer of property, etc.**

**17.** (1) Subject to the provisions of this section and to any direction of the Yang di-Pertuan Agong, all property and assets which immediately before the commencement of this Act were vested in the Municipal Councillors of Kuala Lumpur or in any person on behalf of such Councillors shall on the commencement of this Act vest in the Commissioner.

(2) All land immediately before the commencement of this Act vested in or reserved under any written law relating to land for the purpose of the Municipal Councillors of Kuala Lumpur shall, upon the commencement of this Act, vest in or be deemed to be reserved, as the case may be, for the purpose of the Commissioner.

### **Existing contracts and proceedings**

**18.** (1) Subject to this Part, all deeds, bonds, agreements, instruments and working arrangements subsisting immediately before the commencement of this Act and affecting any of the property transferred under section 17 shall be of full force and effect against or in favour of the Commissioner, and enforceable as fully and effectually as if, instead of the Municipal Councillors of Kuala Lumpur, or any person acting on behalf of such Councillors, the Commissioner had been named therein or had been a party thereto.

(2) Subject to this Act, any proceedings or cause of action pending or existing immediately before the commencement of this Act by or against the Municipal Councillors of Kuala Lumpur or any person acting on behalf of such Councillors may be continued or instituted by or against the Commissioner as it might have been by or against the Municipal Councillors of Kuala Lumpur or such person if this Act had not been enacted.

### **Continuance of agreements of service, etc.**

**19.** Every person who immediately before the commencement of this Act was employed by the Municipal Councillors of Kuala Lumpur shall upon the commencement of this Act be deemed to be transferred to the service of the Commissioner upon the same terms and conditions of service as those obtaining immediately before the commencement of this Act.

### **Powers relating to the Municipal Ordinance**

**20.** All the powers conferred upon the Ruler in Council of the State of Selangor by section 3 of the Municipal Ordinance (Extended Application) Ordinance 1948 [*F.M. 3 of 1948*], shall in relation to the City, be deemed to be conferred, on and after the commencement of this Act, upon the Yang di-Pertuan Agong.

**Repeal**

**21.** (1) On the commencement of this Act, Parts I and II of the Local Authorities Elections Ordinance 1950 [*Ord. No 52 of 1950*], shall cease to apply to the City, and any order then subsisting under section 52 of such Ordinance in relation to the City shall thereupon determine [*Sel. G.N. 194 of 1960*].

(2) The Constitution of the Municipality of Kuala Lumpur [*Sel. G.N. 351 of 1951*], promulgated under section 4 of the Local Authorities Elections Ordinance 1950, as from time to time amended, is hereby repealed, and any person who immediately before the commencement of this Act was the President or a Councillor of the Council established under the Municipal Ordinance and such Constitution shall on the commencement of this Act cease to be such President or Councillor, as the case may be.

(3) The Federal Capital (Municipal Elections) Ordinance 1958 [*Ord. No. 32 of 1958*], is hereby repealed.

---

**LAWS OF MALAYSIA****Act 190****FEDERAL CAPITAL ACT 1960****LIST OF AMENDMENTS**

Amending law	Short title	In force from
Act 5/1968	Federal Capital (Amendment) Act 1968	01-04-1968
Act 59	City of Kuala Lumpur Act 1971	01-02-1972
Act A206	Constitution (Amendment) (No. 2) Act 1973	01-02-1974
P.U. (A) 42/1974	Federal Capital (City Area) Order 1974	01-02-1974
Act A535	Federal Capital (Amendment) Act 1982	01-12-1981

---

## LAWS OF MALAYSIA

### Act 190

### FEDERAL CAPITAL ACT 1960

#### LIST OF SECTIONS AMENDED

Section	Amending authority	In force from
3	Act A206	01-02-1974
4	Act A535	01-12-1981
7	Act A206	01-02-1974
13	Act A535	01-12-1981
16	Act 5/1968	01-04-1968

